

Bil. S 29

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA HUTAN) (PINDAAN), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Hutan) (Pindaan), 2000.

Pindaan bab 2.

2. Bab 2 dari Akta Hutan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda dalam cerai (1) dengan memotong takrifan "pegawai hutan" dan menggantikannya dengan yang berikut —

"pegawai hutan" bermakna mana-mana orang yang dilantik di bawah bab 3 untuk menjadi Pengarah Perhutanan, Timbalan Pengarah Perhutanan, Ahli Silvikultur, Pengarah Perhutanan Kanan, Pegawai Perhutanan, Penolong Pegawai Perhutanan, Pembantu Perhutanan Kanan, Pembantu Perhutanan, Renjer Hutan atau Pembantu Perhutanan Rendah, atau untuk menunaikan sebarang tugas pegawai hutan di bawah Akta ini;"

Pindaan bab 24.

3. Bab 24 dari Akta tersebut adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memasukkan "machinery, equipment," sejurus selepas "tools," dalam baris ketiga.

Pemasukan bab 30A yang baru.

4. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 30 —

"Denda
di bawah
bab 26, dll.

30A. Dalam menentukan sebarang denda yang akan dikenakan di bawah bab-bab 26, 27, 28, atau 30 atau di bawah sebarang aturan yang dibuat di bawah bab 52, mahkamah hendaklah mengambil kira sebarang kerugian, kecederaan atau kerosakan, dalam apa pun bentuknya, yang berlaku kepada atau dialami oleh Kerajaan, orang ramai pada amnya atau mana-mana golongan orang ramai, atau mana-mana orang, sama ada atau tidak kerugian, kecederaan atau kerosakan itu dalam bentuk yang boleh dijumlahkan atau dinyatakan sepenuhnya dengan wang."

Tambahan bab 56 yang baru.

5. Akta tersebut adalah dipinda dengan menambah bab baru yang berikut —

"Liabiliti
pengarah, dll.

56. Jika suatu badan korporat melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini, tiap-tiap pengarah atau orang lain yang ada kena-mengena dengan pengurusan badan korporat itu adalah melakukan kesalahan yang sama melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu yang sepatutnya dijalankan olehnya dengan memberi perhatian kepada jenis tugas-tugasnya dalam jawatan itu dan semua hal keadaan."

Pindaan Akta.

6. Akta tersebut adalah dipinda dalam bab-bab yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual dengan memotong perkataan-perkataan dan angka-angka yang dinyatakan bertentangan dengannya dalam ruang kedua Jadual dan menggantikannya dengan perkataan-perkataan dan angka-angka yang dinyatakan bertentangan dalam ruang ketiga Jadual.

JADUAL

Bab	Potong	Gantikan
26(i)	"of \$1,000 and imprisonment for 6 months"	"and imprisonment for 5 years"
26(ii)	"of \$1,000 and where the damage resulting from his offence amounts to more than \$50, to a fine amounting to double the amount of such damages, or in default of payment of any such fine to imprisonment for 2 months"	"and imprisonment for one year"
26(iii)	"of \$1,000 or in default of payment of such fine to imprisonment for one month"	"and imprisonment for one year"
26(iv)	"of \$250 or in default of payment of such fine to imprisonment for 14 days"	"and imprisonment for one year"
27(1)	"of \$10,000 and imprisonment for 2 years"	"and imprisonment for 5 years"

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JADUAL (Sambungan)

Bab	Potong	Gantikan
28	"of \$10,000 and imprisonment for 2 years"	"and imprisonment for 5 years"
30	"of \$10,000 and imprisonment for 2 years"	"and imprisonment for 5 years"
32(1)(a)	"\$100"	"\$500"
33(1)	" not exceeding twice the value thereof"	—

Pindaan lanjut Akta.

7. Akta tersebut adalah dipinda dengan memotong "Conservator of Forest" di mana saja perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan "Pengarah Perhutanan".

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 21 haribulan April, 2000 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM